

POLISI

KOD TATAKELAKUAN RAKAN NIAGA

NO. RUJUKAN.: SCG/Policy/16

TARIKH KUATKUASA: 21 OGOS 2025

ISU: 00
SEMAKAN: 00

Diterjemahkan daripada *Associates Code of Conduct* yang telah diluluskan
Lembaga Pengarah pada 21 Ogos 2025

Kandungan

0.0	OBJEKTIF	4
1.0	SKOP	4
2.0	NILAI TERAS SCG	4
3.0	PEMBANGUNAN MAMPAN (<i>SUSTAINABLE DEVELOPMENT</i>)	5
4.0	BERTINDAK DENGAN INTEGRITI & BERETIKA	5
5.0	HAK ASASI MANUSIA DAN AMALAN BURUH YANG ADIL	7
6.0	PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN TADBIR URUS	9
7.0	AUDIT DAN KETIDAKPATUHAN	12
8.0	PENDEDAHAN MAKLUMAT	12
9.0	KOMUNIKASI DAN KESEDARAN	13
10.0	PENTERJEMAHAN DAN BAHASA.....	13

M/S | 2

Rekod Pindaan

Mukasurat	Isu / Semakan	Butiran Pindaan	Tarikh Isu / Semakan
SEMUA	00/00	Isu Pertama	DD/MM/YYYY

0.0 OBJEKTIF

Kumpulan Sunway Construction Berhad (“SCG”) telah melaksanakan Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan (CCBE) sebagai panduan berkenaan tingkah laku yang dijangka daripada setiap pekerja, termasuk pengarah-pengarah SCG (“Pekerja”) agar selaras dengan nilai teras SCG.

SCG telah merangka Kod Etika Rakan Niaga (“Kod”) selaras dengan CCBE untuk menggariskan komitmennya dari segi integriti, amalan beretika dalam rantai pembekal, penghormatan terhadap hak asasi manusia, dan pematuhan kepada piawaian-piawaian berkaitan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Kod ini juga menetapkan jangkaan SCG terhadap Rakan Kongsi (seperti yang ditakrifkan dalam Polisi Anti Rasuah dan Korupsi SCG) apabila menjalankan perniagaan dengan atau bagi pihak SCG.

M/S | 4

1.0 SKOP

Kod ini terpakai kepada semua Rakan Niaga SCG (“Rakan Niaga”) dan bagi setiap perniagaan dan negara di mana SCG beroperasi. Rakan Niaga juga hendaklah memastikan bahawa subkontraktor, pembekal pembekal sub-peringkat dan mana-mana pihak ketiga sub-peringkat lain mematuhi Kod ini dalam operasi mereka dan diseluruh rantai pembekalan mereka bagi kerja yang berkaitan secara langsung dengan SCG dan/atau mana-mana anak Syarikat SCG.

2.0 NILAI TERAS SCG

Bagi memastikan fokus terhadap hubungan yang menguntungkan dua belah pihak dengan pelanggan dan pihak berkepentingan, SCG telah membina asas perniagaannya berteraskan tiga nilai iaitu Integriti, Rendah diri, dan Kecemerlangan.

Integriti (Kami percaya kepada perlakuan yang betul pada setiap masa)

- Kami berkelakuan secara jujur dan amanah.
- Kami bertindak secara profesional, beretika dan berintegriti.
- Kami memastikan bahawa tindakan kami selaras dengan kata-kata kami.

Rendah Diri (Kami percaya kepada sikap rendah diri, sopan dan menghormati)

- Kami tidak pernah berhenti belajar.
- Kami mengambil berat dan menghormati manusia serta alam sekitar.
- Kami berusaha memahami terlebih dahulu sebelum meminta difahami.

Kecemerlangan (Kami berbangga dengan segala yang kami lakukan)

- Kami berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi.
- Kami sentiasa berinovasi dan menambah baik demi kemajuan.
- Kami berhasrat untuk menjadi inspirasi kepada orang lain dalam mencapai kecemerlangan.

3.0 PEMBANGUNAN MAMPAN (*SUSTAINABLE DEVELOPMENT*)

- 3.1 SCG memainkan peranan dalam membina masa depan yang mampan untuk semua dalam dunia yang kita diami ini. Pihak berkepentingan kami – termasuk pelanggan, pekerja (seperti yang ditakrifkan dalam Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi), pemegang saham dan Rakan Niaga – semuanya terlibat dan komited terhadap agenda ini. Kami sentiasa berusaha untuk mengintegrasikan kemampanan dalam amalan perniagaan, proses dan operasi kami.

M/S | 5

4.0 BERTINDAK DENGAN INTEGRITI & BERETIKA

4.1 Anti – Rasuah dan Korupsi

SCG mengamalkan polisi TOLERANSI SIFAR terhadap segala bentuk rasuah dan korupsi serta komited untuk menjalankan perniagaannya selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 Akta SPRM (Pindaan) 2018 (“Akta”) dan mana-mana undang-undang berkaitan yang terpakai.

SCG melarang setetegasnya segala bentuk pembayaran rasuah, termasuk bayaran pemudah cara. SCG mengharapkan semua Rakan Niaga untuk mengekalkan piawaian etika yang tinggi, mematuhi Polisi Anti Rasuah dan Korupsi SCG, dan mematuhi peruntukan Akta dan semua undang-undang Anti Rasuah dan Anti Korupsi.

(Rujukan: Polisi Anti Rasuah dan Korupsi (SCG/Policy/01))

4.2 Memberi & Menerima Hadiah, Layanan dan Hospitaliti:

SCG mengamalkan polisi “Tiada Hadiah” yang ketat, di mana para pekerja tidak dibenarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung memberikan atau menerima hadiah, layanan atau hospitaliti, kecuali jika dibenarkan selaras dengan Polisi Hadiah, Layanan dan Hospitaliti SCG. Oleh itu, semua pihak berkepentingan dikehendaki untuk membiasakan, menghormati, dan mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Polisi Hadiah, Layanan dan Hospitaliti.

Rakan Niaga dijangkan untuk menggunakan pertimbangan yang wajar apabila menawarkan kemudahan perniagaan. Sebarang kemudahan yang diberikan kepada pekerja SCG, jika dibenarkan, hendaklah bernilai sederhana, jarang berlaku dan konsisten dengan amalan perniagaan yang standard. Rakan Niaga tidak boleh menawarkan sesuatu yang bernilai dengan niat untuk mendapatkan atau mengekalkan manfaat, ataupun memberikan sesuatu yang boleh dianggap sebagai mempengaruhi keputusan, menjejaskan integriti atau mewujudkan rasa tanggungjawab keatas pekerja SCG.

(Rujukan: Polisi Hadiah, Layanan dan Hospitaliti (SCG/Policy/03))

4.3 Pendermaan dan Penajaan:

SCG sentiasa mencari peluang untuk menyumbang kepada komuniti melalui program derma, penajaan, dan program tanggungjawab korporat. Rakan Niaga tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, menawarkan atau memberikan sesuatu yang bernilai kepada mana-mana pegawai Kerajaan atau pihak lain dengan niat untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan mereka secara tidak wajar bagi memajukan kepentingan perniagaan SCG dalam apa jua cara.

M/S | 6

Rakan Niaga diharapkan untuk memahami bahawa pembayaran untuk sumbangan, penajaan dan program tanggungjawab korporat oleh SCG atau mana-mana pekerjanya dibuat sepenuhnya mengikut polisi SCG termasuk tetapi tidak terhad kepada polisi Anti Rasuah dan Korupsi, polisi Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Pencegahan Pembiayaan Percambahan (AML/CFT/CPF) dan semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan.

4.4 Anti Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Pencegahan Pembiayaan Percambahan:

SCG melarang semua amalan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, termasuk berurusan dengan hasil aktiviti jenayah, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan.

Rakan Niaga mesti menjalankan tahap usaha wajar (*due diligence*) yang munasabah untuk memahami perniagaan dan latar belakang pelanggan, vendor, pihak ketiga atau rakan perniagaan yang berhasrat menjalankan perniagaan dengan mereka bagi menentukan asal-usul dan destinasi wang atau aset yang terlibat. Sebarang aktiviti yang disyaki melibatkan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, dan pembiayaan percambahan mestilah dilaporkan segera kepada Bank Negara Malaysia dan pihak berkuasa yang berkaitan mengikut polisi AML/CFT/CPF SCG.

(Rujukan: Polisi Anti Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Pencegahan Pembiayaan Percambahan (SCG/Policy/02))

4.5 Dagangan Dalam:

Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, SCG dikehendaki mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan untuk membuat pendedahan awam pada masa yang tepat, menyeluruh, dan adil, terutama bagi maklumat yang boleh memberi kesan penting kepada pasaran sahamnya.

Rakan Niaga dilarang membeli atau menjual saham SCG atau mana-mana syarikat lain sekiranya mereka memiliki maklumat penting yang tidak didedahkan kepada awam, iaitu maklumat yang tidak tersedia kepada umum dan boleh mempengaruhi keputusan pelabur untuk berdagang saham tersebut.

4.6 Penipuan:
Rakan Niaga dilarang melibatkan diri dalam sebarang bentuk tindakan penipuan atau kelakuan tidak jujur melibatkan harta atau aset, atau mengenai pelaporan kewangan dan perakaunan SCG atau pihak ketiga.

4.7 Berurusan dengan Pesaing:
SCG komited untuk bersaing secara beretika dalam pasaran. Rakan Niaga hendaklah mematuhi undang-undang persaingan dan anti-persaingan di negara-negara tempat SCG beroperasi. Sekiranya timbul keperluan untuk mengumpul, berkongsi, dan menggunakan maklumat mengenai pesaing, ia mestilah dilakukan dengan cara yang sah dan beretika.

M/S | 7

4.8 Mengelakkan Konflik Kepentingan:
Konflik kepentingan merujuk kepada situasi di mana seseorang mempunyai kepentingan peribadi atau persendirian yang mampu mempengaruhi pelaksanaan objektif tugas rasmi sebagai Rakan Niaga.

Rakan Niaga mestilah mengelakkan diri daripada sebarang konflik dan situasi yang mungkin dianggap sebagai konflik kepentingan yang boleh mempengaruhi pertimbangan anda dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Rakan Niaga dikehendaki mengisytiharkan sebarang situasi konflik kepentingan, seperti manfaat kewangan, hubungan peribadi, dan manfaat atau penglibatan peribadi, melalui borang Penilaian Pendaftaran Subkontraktor Elektronik (borang e-SRE) dan/atau semasa 'onboarding' dan melaporkan sebarang perubahan dalam tempoh dua minggu daripada perubahan status tersebut. Kegagalan untuk mendedahkan sebarang konflik kepentingan boleh mengakibatkan pembatalan kelayakan, penyenarahitaman, penolakan, pembatalan pendaftaran, penamatan, pelucuthakan wang termasuk wang tahanan serta pelucuthakan bon atau deposit, dan/atau penahanan sebarang bayaran yang perlu atau akan perlu dibayar kepada Rakan Niaga, yang mana berkenaan.

5.0 HAK ASASI MANUSIA DAN AMALAN BURUH YANG ADIL

SCG komited untuk memastikan bahawa semua individu yang terlibat dalam penyampaian produk dan perkhidmatannya dilayan dengan penuh maruah dan hormat. Rakan Niaga hendaklah mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan polisi pekerjaan yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada polisi hak asasi manusia SCG dan mana-mana keperluan pekerjaan lain yang ditetapkan oleh majikan atau pemilik projek, menegakkan komitmen SCG terhadap hak asasi manusia, mempromosikan peluang yang saksama di tempat kerja, dan mengambil langkah-langkah berkesan untuk menangani sebarang impak negative terhadap hak asasi manusia. Rakan Niaga hendaklah mematuhi, tanpa had, keperluan-keperluan berikut:

5.1 Hak Asasi Manusia

Di SCG, kami menghormati dan menyokong Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia serta Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (*Universal Declaration of Human Rights and the United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights*), dan hak semua pekerja dan Rakan Niaga.

M/S | 8

Sebagai sebuah warga korporat global yang bertanggungjawab, SCG berusaha untuk memenuhi piawaian dan amalan yang selaras dengan prinsip yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan di negara serta wilayah di mana SCG beroperasi, dan mengjangkakan Rakan Niaganya mematuhi piawaian serta amalan yang sama.

SCG tidak memberi tolak ansur terhadap amalan buruh yang tidak beretika dan menjangka Rakan Niaganya untuk menghormati hak pekerja mereka, pihak berkepentingan dan komuniti dalam perkara berikut:

- Memberikan peluang sama rata
- Menghormati kebebasan persatuan
- Menghapuskan sebarang bentuk gangguan atau penyalahgunaan
- Meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan
- Melarang buruh paksa/wajib
- Melindungi hak kanak-kanak.

(Rujukan: Polisi Hak Asasi Manusia (Ref. No. SCG/Policy/07))

5.2 Kesihatan dan Keselamatan

SCG berusaha untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat, terjamin dan kondusif. Rakan Kongsi mesti mematuhi dengan teliti semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan alam sekitar di mana-mana negara operasi Rakan Niaga serta polisi Kualiti, Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan SCG. Keselamatan dan kesihatan adalah tanggungjawab semua pihak.

(Rujukan: Polisi Kualiti, Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan)

5.3 Gangguan dan Keganasan

SCG berhasrat menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif. Sebarang bentuk gangguan di tempat kerja, termasuk gangguan seksual, adalah dilarang dan tidak diterima oleh SCG. SCG akan menyiasat semua aduan berkaitan gangguan secara sulit, dan akan mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya berdasarkan bukti yang tersedia. Tindakan disiplin tidak hanya tertakluk kepada pelaku, tetapi juga kepada pengadu sekiranya aduan tersebut didapati dibuat secara palsu.

5.4 Peluang Sama Rata dan Larangan Diskriminasi

SCG menggalakkan peluang sama rata dan memastikan tiada diskriminasi di tempat kerja. SCG berhasrat untuk membentuk budaya saling menghormati dan menghargai perbezaan antara satu sama lain, mempromosikan kualiti dan kepelbagaian, serta menggalakkan individu untuk berkembang dan maju bagi mencapai potensi mereka sepenuhnya.

M/S | 9

Rakan Niaga juga perlu memupuk persekitaran kerja yang menghargai serta memanfaatkan sumbangan pekerja yang mempunyai idea, latar belakang, pengalaman, dan perspektif yang pelbagai.

SCG menggalakkan Rakan Niaga untuk menegakkan maruah dan penghormatan bagi semua pihak serta tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk diskriminasi secara langsung atau tidak langsung, pemangsaan/penindasan, intimidasi/ugutan, buli, atau gangguan di tempat kerja.

(Rujukan: Diversity and Inclusion Policy (SCG/Policy/06))

5.5 Penyalahgunaan Bahan & Aktiviti Jenayah

Penyalahgunaan bahan seperti alkohol atau dadah boleh menjejaskan prestasi kerja dan boleh mengancam kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar. Oleh itu, Rakan Niaga dilarang mengguna, memiliki, mengedar, membeli atau menjual sebarang bahan tersebut tanpa kebenaran di premis SCG atau semasa menjalankan urusan perniagaan, atau berada di bawah pengaruh mana-mana bahan tersebut semasa bekerja.

Sehubungan itu, Rakan Niaga mesti mematuhi dengan teliti polisi dan prosedur berkaitan penyalahgunaan bahan yang dikeluarkan oleh SCG, seperti yang dipinda dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

5.6 Penglibatan dalam Aktiviti Politik

Rakan Niaga tidak boleh menjalankan sebarang aktiviti politik semasa waktu bekerja, menggunakan sumber, jenama SCG dan aktiviti politik mesti dilakukan sepenuhnya atas kehendak, inisiatif, masa, dan sumber Rakan Niaga itu sendiri.

6.0 PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN TADBIR URUS

Rakan Niaga hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan, dan garis panduan yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa dan negara di mana SCG beroperasi. Rakan Niaga bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan, dan garis panduan berkaitan tugas mereka.

6.1 Ketepatan Maklumat Kewangan / Integriti Kewangan

Rakan Niaga bertanggungjawab memastikan penyediaan penyata kewangan dilakukan dengan tepat pada waktunya, dengan tepat, dan mengikut prinsip

perakaunan yang diterima pakai serta piawaian perakaunan yang berkenaan, dan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Rakan Niaga dijangka mematuhi polisi perakaunan SCG dan keperluan kawalan dalaman berkaitan urusan kewangan, di mana sesuai. Sebarang pemalsuan maklumat atau penyalahgambaran aktiviti dalam dokumen dan laporan syarikat boleh dianggap sebagai pemalsuan dokumen, yang merupakan suatu kesalahan serius.

M/S | 10

Rakan Niaga hendaklah membenarkan SCG mengakses rekod kewangan mereka yang berkaitan dengan urusan bersama SCG dan melaporkan sebarang tindakan pemalsuan yang disyaki berunsur jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa yang relevan.

6.2 Maklumat Sulit

Rakan Niaga hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dan berhati-hati dalam melindungi sebarang maklumat sulit dan sensitif berkaitan SCG yang diperoleh sepanjang urusan perniagaan dan dilarang sama sekali untuk mendedahkannya kepada mana-mana pihak, melainkan pendedahan tersebut mendapat kebenaran yang sah atau diwajibkan oleh undang-undang. Sehubungan itu, Rakan Niaga dijangka untuk menandatangani perjanjian kerahsiaan (Non-Disclosure Agreement / NDA) sebelum menerima sebarang maklumat sulit daripada SCG atau pekerjaanya.

Sekiranya mana-mana Rakan Niaga mengetahui maklumat penting yang memberi kesan kepada SCG yang belum didedahkan kepada umum, mereka hendaklah menyimpan maklumat tersebut dengan tahap kerahsiaan tertinggi sehingga ia diumumkan secara rasmi. Ianya juga penting bahawa sebarang maklumat hak milik (*proprietary information*) atau maklumat sulit berkaitan SCG didedahkan kepada pekerja-pekerja Rakan Niaga atas dasar keperluan (*need-to-know basis*) sahaja.

Rakan Niaga dijangka untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat hak milik dan sulit sama ada selepas pelantikan mereka oleh SCG atau selepas penamatan perkhidmatan mereka kepada SCG, atau sepanjang tempoh kerahsiaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian kerahsiaan (NDA) yang telah ditandatangani dengan SCG, kecuali pendedahan maklumat yang diperintahkan mahkamah yang mempunyai bidang kuasa atau pihak berkuasa kerajaan, atau pengawalseliaan yang berkompeten. Pelanggaran terhadap seksyen ini boleh mengakibatkan penalti, termasuk pampasan dalam bentuk kewangan dan/atau remedi ekuiti yang sewajarnya.

6.3 Kawalan Dalaman & Pengurusan Rekod

Dokumen dan rekod SCG dikhususkan bagi tujuan dan keperluan perniagaan, dan hendaklah selaras dengan undang-undang, percukaian, perakaunan, serta peraturan pengawalseliaan yang berkenaan. Rakan Niaga mesti mengawal dan menyelenggara rekod tersebut supaya tepat, terkini, sah, mudah dikenal pasti, dan boleh diakses semula. Rakan Niaga juga mesti memastikan bahawa semua rekod dikendalikan mengikut tahap kerahsiaan yang sewajarnya, selaras dengan polisi dan prosedur yang berkaitan serta mengikut semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

M/S | 11

6.4 Teknologi Maklumat

a) Larangan Ketat

Sekiranya akses diberikan oleh SCG, Rakan Niaga dilarang keras daripada mengakses, mengedar, atau menyimpan bahan yang tidak sesuai atau menyalahi undang-undang pada sistem komputer dan sumber SCG. Aktiviti lain yang dilarang termasuk penggunaan atau pembaziran sumber komputer untuk aktiviti yang tidak berkaitan dengan kerja, penyalahgunaan perisian, serta komunikasi rahsia perdagangan.

b) Harta Intelekt

Melainkan dinyatakan sebaliknya, sebarang harta intelek termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, paten, rahsia perdagangan, dan hak harta intelek lain yang berkaitan dengan sebarang konsep, hasil karya, penemuan, rekaan, teknik, proses, penulisan, ciptaan, program, penambahbaikan produk, perancangan, reka bentuk, produk, manual, dokumen, bahan, idea, program komputer, hasil penyelidikan teknologi, cap dagangan, reka bentuk berdaftar, serta maklumat sulit yang telah dicipta dan/atau dibangunkan oleh Rakan Niaga sepanjang tempoh penglibatan atau pelantikan mereka, akan menjadi hak milik eksklusif dan mutlak SCG dan/atau pelanggan SCG, jika berkenaan.

Rakan Niaga tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada SCG, menghasilkan semula, menyesuaikan, mengubah suai, menggunakan, atau mendedahkan harta intelek atau ciptaan, atau sebarang maklumat yang berkaitan dengannya, kepada mana-mana pihak kecuali pihak yang diberi kuasa oleh SCG seperti yang diarahkan atau dimaklumkan oleh SCG.

6.5 Perlindungan Data Peribadi

SCG menghormati dan komited terhadap perlindungan data peribadi serta privasi Rakan Niaga. SCG memastikan perlindungan yang sesuai dan mencukupi bagi data peribadi yang berada di bawah kawalan kami, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Rakan Niaga dijangka membaca dan memahami notis privasi SCG yang boleh didapati di [laman web SCG](#), yang mematuhi kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

6.6 Implikasi Ketidakpatuhan

SCG berhak mengambil tindakan sewajarnya sekiranya SCG mengetahui atau mempunyai sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa Rakan Niaga terlibat atau sedang terlibat dalam siasatan, ditahan, didakwa, disabitkan di bawah mana-mana undang-undang, atau melanggar mana-mana polisi SCG atau Kod ini. Tindakan yang boleh diambil termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pembatalan kelayakan, penyenarahitan, penggantungan, penamatan, pelucuthakan wang (termasuk wang tahanan, bon atau deposit), penahanan bayaran, melaporkan kepada pihak berkuasa, atau memulakan tindakan undang-undang.

M/S | 12

7.0 AUDIT DAN KETIDAKPATUHAN

7.1 SCG berhak, atas budi bicara mutlak, untuk menjalankan audit terhadap Rakan Niaga pada bila-bila masa sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Audit ini mungkin merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, audit kewangan, audit pematuhan, audit operasi, dan sebarang semakan lain yang dianggap perlu bagi menilai pematuhan Rakan Niaga terhadap kewajipan kontrak, undang-undang dan peraturan yang terpakai, serta polisi SCG, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kod ini dan Polisi Anti-Rasuah dan Korupsi SCG.

7.2 SCG boleh melantik juruaudit dalaman atau luaran untuk menjalankan audit tersebut, dan Rakan Niaga hendaklah memberikan kerjasama penuh, segera, dan tanpa sekatan. Ini termasuk memberikan akses kepada rekod berkaitan, penyata kewangan, sistem, proses, premis, dan tenaga kerja yang diperlukan secara munasabah bagi tujuan audit. Semua dokumentasi yang diminta oleh juruaudit hendaklah disediakan secara tepat pada masanya dan dengan ketepatan tinggi.

7.3 Kegagalan untuk bekerjasama dengan audit, termasuk keengganan untuk memberikan akses atau dokumentasi yang diperlukan, boleh dianggap sebagai pelanggaran kontrak yang material dan boleh menyebabkan tindakan pemulihan seperti penamatan perkhidmatan, penggantungan, atau langkah-langkah lain yang sewajarnya, termasuk prosiding sivil atau jenayah.

7.4 Rakan Niaga boleh mendapatkan nasihat daripada Pasukan Unit Pematuhan SCG (CFT) atau pegawai projek yang bertanggungjawab (PIC) sekiranya mereka ragu-ragu tentang langkah atau tindakan yang sesuai dari segi etika dan pematuhan berdasarkan Kod ini.

8.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

Sekiranya **Rakan Niaga** menemui pelanggaran sebenar atau berpotensi terhadap Kod ini, mereka dikehendaki untuk melaporkan kebimbangan mereka **dengan segera** kepada CFT, PIC masing-masing, atau menghubungi

Ketua Audit Dalaman secara langsung melalui platform Pendedahan Maklumat (Whistleblowing) SCG seperti berikut:

Email : whistleblowing@sunway.com.my
Direct Line : +603 5639 8025
Address : Ketua Jabatan Audit Dalaman - SCG
Tingkat 4, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Selangor Darul Ehsan, Malaysia

M/S | 13

(Rujukan: Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat (SCG/Policy/04))

9.0 KOMUNIKASI DAN KESEDARAN

SCG akan menyampaikan/menerapkan Kod ini kepada Rakan Niaga secara berkala. Kod ini tersedia di laman web SCG. Tambahan lagi, latihan berkala mengenai kelakuan etika, anti-rasuah, dan saluran pelaporan akan disediakan.

10.0 PENTERJEMAHAN DAN BAHASA

Polisi ini diterjemahkan daripada versi Bahasa Inggeris yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah SCG pada Tarikh Kuatkuasa yang dinyatakan di atas. Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan berhubung dengan versi Bahasa Malaysia ini, kod dalam versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.